

25/08/2003

Sumbangan Dr M kepada Melayu terlalu besar

Saufi Hamzah

BUTTERWORTH: Sumbangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam meningkatkan taraf ekonomi penduduk terutama Bumiputera amat besar sepanjang khidmatnya selama lebih 20 tahun sebagai Perdana Menteri.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid, berkata sumbangan Dr Mahathir berupaya memperbaiki taraf ekonomi Bumiputera sehingga mencapai tahap yang meyakinkan diri mereka.

Katanya, meskipun kekayaan masyarakat Bumiputera masih di bawah 20 peratus, usaha untuk meningkatkannya perlu diteruskan selepas Perdana Menteri berjaya meningkatkan taraf ekonomi Bumiputera, setakat ini.

"Sepanjang lebih 20 tahun beliau (Dr Mahathir) menjadi Perdana Menteri, keyakinan terserlah di kalangan orang Melayu dan mereka tidak rasa terancam.

"Malah, bukan Bumiputera pun rasa selamat kerana negara ini amat mesra perniagaan sehingga mereka (bukan Bumiputera) cukup suka dengan dasar dilaksanakan kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mewakili Timbalan Pertama Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, merasmikan Karnival Gemilang Merdeka 2003 di Kompleks Sukan Sony, Seberang Jaya, semalam.

Hadir sama Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri, Datuk Othman Desa, Naib Ketua Puteri Umno Malaysia, Noraini Ahmad, Penasihat Puteri Umno Pulau Pinang, Datuk Zainal Abidin Othman dan Ketua Puteri negeri, Azlina Mehtab Mohd Ishaq.

Azmi diminta mengulas laporan akhbar kelmarin bahawa imej 'ultra Melayu' terhadap Dr Mahathir sehingga menimbulkan kesangsian terutama di kalangan masyarakat Cina ketika beliau mula dilantik sebagai Perdana Menteri pada 16 Julai 1981, kini sudah lenyap.

"Jadi tak benarlah sangkaan buruk terhadap diri saya pada 1981 itu (untuk) kekal dan menjadi kenyataan. Kepada saya ini adalah satu pencapaian yang akan sentiasa saya ingat.

"Ini kerana ia adalah baik bagi negara kita. Negara kita perlu kepada keamanan dan kestabilan yang tak mungkin dicapai jika rakyat pelbagai kaum tidak menjalin hubungan baik antara mereka," kata Dr Mahathir ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional 2003 Parti Gerakan di Kuala Lumpur.

Azmi berkata, Dr Mahathir berjaya meneruskan kesinambungan yang dicetuskan oleh Perdana Menteri sebelum ini sehingga dapat merealisasikan pelbagai dasar dan perancangan yang dirangka untuk kemajuan negara serta manfaat rakyat.

Mengenai jurang nisbah pendapatan di antara penduduk luar bandar dan bandar, katanya, perangkaan terkini menunjukkan pengurangan berbanding ketika 1970 iaitu RM1 kepada RM2.80 dan RM1 kepada RM1.80 selepas 20 tahun Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan.

Sementara itu, ketika berucap pada majlis perasmian karvival, Azmi meminta ahli Puteri supaya berkunjung ke luar negara untuk menilai perbezaan yang dinikmati di negara ini berbanding di tempat lain.

"Selepas berbuat demikian, mereka boleh mendapat satu kesimpulan yang lebih baik mengenai bermacam-macam perkara," katanya.